

Kedatangan Menteri2 rancakkan kempen pilihanraya

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

No.

No.

KUCHING, Khamis — Kempen pilihanraya negeri Sarawak menjadi semakin rancak sekarang berikutan kedatangan beberapa Menteri Persekutuan mulai semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terbang ke sini pagi tadi untuk lawatan dua hari dan meninjau perjalanan jentera Barisan Nasional untuk pilihanraya tersebut.

Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir meningkatkan lagi moral pekerja dan penyokong Barisan Nasional yang kini mempunyai hanya 10 hari untuk berkempen.

Pembuangan undi untuk pilihanraya itu diadakan berperingkat-peringkat mulai 15 September ini dan berakhir pada 22 September.

Hanya 44 kerusi sahaja dipertandingkan dalam pilihanraya kali ini kerana empat lagi kerusi sudah pun dimenangi

tanpa bertanding oleh Barisan Nasional pada hari penamaan calon.

Para pemerhati menegaskan pertandingan nampak rancak di sekurang-kurangnya 10 kawasan.

Kerancakan kempen dalam pilihanraya kali ini terjadi kerana semua calon Barisan Nasional terpaksa menghadapi cabaran 54 calon bebas dan tiga calon parti pembangkang.

Tarik diri

Bagaimanapun pemerhati mendapati bahawa semangat penyokong dan ahli Barisan Nasional dalam pilihanraya kali ini adalah kuat dan perpaduan di kalangan mereka akan menjadi lebih kukuh apabila Perdana Menteri Datuk Hussein melawat Sarawak selama tiga hari mulai 9 September ini.

Sementara itu beberapa pemimpin Barisan Nasional Negeri menjelaskan calon Barisan di beberapa ka-

wasan pendalaman yang dianggap sebagai kawasan kelabu sudahpun diarahkan memperhebatkan jentera dan usaha mereka memenangi pilihanraya tersebut.

Umpamanya, calon bagi kawasan Lawas diarahkan bekerja lebih kuat menentukan kemenangan Barisan Nasional di sana kerana kawasan tersebut juga ditandingi oleh seorang calon Pajar dan tiga bebas.

Salah seorang calon bebas di kawasan Subis yang merupakan kawasan pertandingan lima penjurru, Haji Salem G a p a r p u l a mengumumkan penarikan beliau dari bertanding dan akan memberi sokongan kepada Barisan Nasional.

Keputusan itu menjadikan peluang calon Barisan memenangi kawasan itu lebih cerah.